



اونیورسیتی ملیسیا فهغ
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR

(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)

PEMAKLUMAN RASMI

KRISIS COVID-19: BILANGAN 23 TAHUN 2021

**KAWALAN DIPERKETATKAN DAN LARANGAN KELUAR MASUK PELAJAR
(KDLKMP) UMP KAMPUS GAMBANG**

Dukacita dimaklumkan, berdasarkan laporan daripada Pusat Kesihatan Universiti (PKU), telah berlaku penularan **27 kes positif Covid-19** di Universiti Malaysia Pahang (UMP) sehingga tarikh 12 November 2021. Selaras dengan Pekeliling Pentadbiran Bil. 11 Tahun 2021 yang dikeluarkan pada 12 November 2021 dan ketetapan Mesyuarat Jawatankuasa *Task Force Pengurusan Pelajar Bilangan 20/2021* bertarikh 12 November 2021 memutuskan bahawa;

1.1 Pelaksanaan Kawalan Diperketatkan dan Larangan Keluar Masuk Pelajar (KDLKMP)

KDLKMP akan dilaksanakan serta-merta kepada mana-mana kawasan atau Residen Pelajar sekiranya berlaku kes positif COVID-19. Bagi tujuan tersebut;

- i. KDLKMP di UMP Kampus Gambang berkuat kuasa serta merta mulai **13 November 2021 hingga 26 November 2021**.
- ii. Seluruh kawasan UMP Kampus Gambang akan diawasi dan dikawal sepenuhnya oleh Bahagian Keselamatan UMP.

1.2 Aktiviti Pelajar di Dalam Kampus

- i. Kafeteria dibenarkan beroperasi antara 8.00 pagi hingga 8.00 malam. Pembelian makanan secara bawa pulang (*take away*) atau perkhidmatan penghantaran makanan (*food delivery*) adalah **DIBENARKAN** manakala *dine-in* adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- ii. Kedai runcit, kedai serbaneka dan kedai barang keperluan harian dalam kampus dibenarkan beroperasi antara 8.00 pagi hingga 8.00 malam.
- iii. Aktiviti masjid dan surau dibenarkan untuk azan dan solat berjemaah dengan kehadiran tiga orang pegawai masjid/surau sahaja dengan tambahan seorang Ahli Jawatankuasa (AJK) tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri. Sebarang perubahan SOP akan dimaklumkan oleh Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN).
- iv. Sebarang aktiviti sosial, sukan, rekreasi dan budaya (*indoor* dan *outdoor*) adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Taman-taman awam di dalam kampus adalah **DITUTUP**.
- v. Mesyuarat atau aktiviti kelab dan persatuan secara bersemuka adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

1.3 Aktiviti yang TIDAK DIBENARKAN

Senarai aktiviti yang tidak dibenarkan (*negative list*) adalah seperti berikut;

- i. Aktiviti gunting rambut.
- ii. Aktiviti hiburan seperti karaoke dan *busking* (tertutup dan terbuka).
- iii. Aktiviti sukan dan rekreasi (*indoor* dan *outdoor*).
- iv. Semua majlis rasmi/ tidak rasmi kerajaan/ swasta atau sebarang bentuk majlis sosial.
- v. Sebarang bentuk seminar, kursus, latihan, kelas dan apa-apa juga aktiviti pendidikan atau pembelajaran secara bersemuka.

- vi. Apa-apa aktiviti pelajar yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan.
- vii. Lain-lain perkara yang diputuskan oleh kerajaan dari semasa ke semasa.

1.4 Aktiviti Akademik Dan Penyelidikan

- i. Sesi pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar yang berada di rumah adalah diteruskan secara dalam talian mengikut kalendar akademik semasa.
- ii. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar berkeperluan khas (6 Kategori) yang berada di dalam kampus akan diadakan secara dalam talian sepenuhnya.
- iii. Aktiviti penyelidikan dan penggunaan makmal adalah **TIDAK DIBENARKAN** bagi semua pelajar Pra-siswazah dan pelajar Pasca Siswazah kecuali dengan **Kelulusan Khas** Dekan Fakulti.
- iv. Sebarang perubahan ketetapan pelaksanaan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

1.5 Hal Ehwal Pelajar

- i. Semua pelajar yang berada di dalam kampus adalah **TIDAK DIBENARKAN** keluar dari kampus UMP Gambang.
- ii. Semua pelajar yang berada di luar kampus adalah **TIDAK DIBENARKAN** memasuki kampus UMP Gambang.
- iv. Sebarang perubahan ketetapan pelaksanaan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

1.6 Lain-Lain

1. Sebagai langkah kawalan tambahan, mesyuarat juga telah memutuskan bahawa pelajar dikehendaki melakukan TRIIS (*Test, Report, Inform, Seek*) bagi mengawal dan mencegah jangkitan dan penularan Covid-19 di dalam kampus.
 - i. (T-Test) - Segera lakukan ujian saringan Covid-19 secara kendiri sekiranya mengalami simptom-simptom jangkitan seperti selsema, demam, batuk dll.
 - ii. (R-Report) - Laporkan keputusan saringan secepat mungkin di aplikasi CoSMoS / My Sejahtera.
 - iii. (I-Inform) - Jika didapati positif, maklum & lapor semua kontak rapat kepada pihak Pusat Kesihatan Universiti. Maklum pihak berwajib/CAC jika kesihatan semakin merosot.
 - iv. (I-Isolate) – Sekiranya didapati positif patuh untuk lakukan kuarantin/pengasingan kendiri dengan penuh disiplin supaya tidak bahayakan orang sekeliling.
 - v. (S-Seek) - Dapatkan rawatan segera di Pusat Kesihatan Universiti jika alami gejala berat seperti sukar bernafas & suhu badan terlalu tinggi.
2. Pelajar juga **WAJIB** mematuhi prosedur operasi standard (SOP) sebelum masuk kampus selepas pulang ke kampung atau bermalam di luar (bagi tujuan kecemasan SAHAJA dengan kebenaran khas Pengetua) iaitu;
 - i. **Sebelum Balik Ke Kampus**
 - Pelajar **WAJIB** menjalani ujian saringan Covid-19 secara kendiri sebelum memulakan perjalanan (atas tanggungan sendiri).
 - Jika keputusan ujian adalah negatif pelajar boleh meneruskan perjalanan
 - Jika keputusan ujian adalah positif pelajar perlu **menangguhkan perjalanan**.

ii. Semasa tiba di Kampus/Residen Pelajar

- Membawa, menunjuk dan maklumkan keputusan ujian saringan Covid-19 secara kendiri kepada pengawal keselamatan di pintu masuk utama UMP atau di residen pelajar .

3. Urusan Pihak Luar

- Pelawat/ibu bapa/ teksi/E-Hailing adalah **TIDAK DIBENARKAN** memasuki kampus.
 - Perkhidmatan penghantaran makanan adalah **DIBENARKAN** memasuki kampus ke kawasan yang telah ditetapkan sahaja. Transaksi pembayaran secara *Cash on Delivery (COD)* adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
4. Bagi perkhidmatan perlu (*Essential Service*) seperti kesihatan, keselamatan, pos/kurier, bekalan makanan/kafetaria, perkhidmatan elektrik/tenaga/air/pembersihan dalam kampus/pembaikan kritikal beroperasi seperti biasa mengikut arahan Ketua Jabatan masing-masing.

1.7 Pematuhan

1. Peraturan ini wajib dipatuhi tanpa sebarang prejudis. Siasatan akan dijalankan kepada mana-mana pihak yang didapati gagal mematuhi pemakluman ini dan tindakan bersesuaian mengikut peraturan universiti boleh dikenakan.
2. Sebarang pertanyaan mengenai perlaksanaan KDLKMP, hendaklah menghubungi Bilik Gerakan UMP seperti berikut; Kampus Gambang (09-549 3333) dan UMP Pekan (09-424 6999) atau melalui emel admin_jhepa@ump.edu.my.
4. Sebarang pertanyaan berhubung urusan akademik, sila hubungi Pusat Pengurusan Akademik seperti berikut; Kampus Gambang (09-549 2550) dan UMP Pekan (09-424 5252) atau melalui emel ppa@ump.edu.my.

Sekian Terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

"Memasyarakatkan Teknologi"

Saya yang menjalankan amanah.



PROFESOR. DATO. TS. DR YUSERRIE BIN ZAINUDDIN

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Tarikh: 12 November 2021

s.k Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Pendaftar I Ketua Pegawai Operasi

Bendahari I Ketua Pegawai Kewangan

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan Kanan I Dekan I Pengarah I Ketua Jabatan

Semua Staf Akademik dan Pentadbiran

YDP Majlis Perwakilan Pelajar

#StaySafe

#StayStrong

#StayAtHome

#AmalkanPenjarakanSosial

#KitaJagaKita